

## **KEBERKESANAN BIMBINGAN GURU PEMBIMBING TERHADAP LATIHAN MENGAJAR GURU PELATIH UPSI**

**Nor Asimah Binti Zakaria**

Universiti Pendidikan Sultan Idris, Fakulti Pendidikan Teknikal & Vokasional  
35900 Tanjung Malim, Perak Malaysia  
[zsyimah@yahoo.com.my](mailto:zsyimah@yahoo.com.my)

### **Abstrak**

Kajian deskriptif ini bertujuan untuk meninjau keberkesanannya bimbingan guru pembimbing terhadap latihan mengajar guru pelatih semasa mengikuti sesi latihan mengajar di sekolah. Guru pembimbing adalah guru-guru terlatih yang berkhidmat di sekolah-sekolah menengah yang telah dikenal pasti untuk membantu guru pelatih UPSI menjalani latihan mengajar di sekolah mereka. Guru pelatih adalah pelajar-pelajar tahun akhir jurusan pendidikan UPSI yang menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah menengah terpilih di lapan buah negeri dalam Semenanjung Malaysia. Kajian ini mengenai bimbingan dan penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih dalam membuat persediaan mengajar, penyampaian isi pelajaran, penilaian pengajaran dan bimbingan dalam meningkatkan profesionalisme keguruan guru pelatih sebagai guru kelak. Seramai 112 orang responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar semester akhir Program Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah, Pendidikan Ekonomi Rumah Tangga, Fakulti Seni Dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah menjalani latihan mengajar selama 12 minggu di sekolah menengah dalam lapan buah negeri yang terpilih di Semenanjung Malaysia. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data ialah soal selidik. Hanya 89 orang responden telah mengembalikan soal selidik. Data yang diperolehi telah diproses dan dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Packages for Social Science Version 15.0 For Windows* (SPSS versi 15.0) dan dinyatakan dalam bentuk kekerapan, peratusan dan min. Dapatkan kajian menunjukkan bimbingan guru pembimbing terhadap guru pelatih adalah signifikan dan sangat kuat dalam membuat persediaan mengajar ( $min = 2.82$ ;  $SD = 0.46$ ), kaedah dan pendekatan penyampaian pengajaran berkesan ( $min = 2.85$ ;  $SD = 0.59$ ), kaedah membuat penilaian pengajaran ( $min = 2.57$ ;  $SD = 0.60$ ) dan bimbingan meningkatkan profesionalisme keguruan ( $min = 3.19$ ;  $SD = 0.40$ ) melalui perbincangan dan tunjuk ajar sebelum sesi pengajaran dan pembelajaran berjalan. Namun begitu, terdapat sebilangan guru pelatih yang kurang dibimbangi oleh guru pembimbing dalam membina item soalan ujian secara sistematik mengikut aras kesukaran soalan (18% tidak pernah dan 25.8% jarang sekali dibimbangi). Beberapa cadangan telah dikemukakan untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti melalui kajian ini. Secara keseluruhannya dapat disimpulkan bahawa guru-guru pembimbing yang dilantik oleh pihak pentadbir sekolah memainkan peranan mereka sebagai guru pembimbing kepada guru pelatih bagi melahirkan guru permulaan yang berketerampilan dengan mengamalkan prinsip-prinsip keguruan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

**Kata kunci:** bimbingan guru pembimbing, guru pelatih

## Pengenalan

Dalam mengejar arus pemodenan sesebuah negara yang sedang pesat mengalami perubahan dan pembangunan bidang ekonomi, politik, agama, kebudayaan, kemasyarakatan dan kemanusiaan pembangunan modal insan yang merupakan aset paling berharga bagi sesebuah negara dititikberatkan di Malaysia. Pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing negara. Pendidikan memainkan peranan penting dalam usaha membangunkan modal insan yang mempunyai jati diri yang kukuh, berketerampilan, berkeperibadian mulia, berpengetahuan dan berkemahiran tinggi bagi mengisi keperluan negara maju menjelang tahun 2020. Kepentingan peranan guru tidak boleh dinafikan, guru bukan saja menjadi pendidik dan pengasas kepada pengetahuan murid-murid tetapi juga menjadi pemimpin, penasihat dan agen perubahan dalam masyarakat. Bidang perguruan tidak terkecuali dalam menerima bahang kepesatan pembangunan negara. Guru di seluruh negara perlu menghayati dan menerima perubahan dan transformasi yang sedang dialami oleh setiap lapisan warganegara masa kini. Perubahan ini merupakan satu cabaran bagi semua guru dan bakal guru. Guru perlu berusaha meningkatkan profesionalisme sebagai guru yang berwibawa dan berketerampilan bagi membentuk anak bangsa untuk membangunkan negara.

“Standard Guru Malaysia menetapkan pencapaian kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru untuk menjamin dan mengekalkan pendidikan yang berkualiti kepada warganegara Malaysia kini dan akan datang. Para guru perlu mempunyai tahap amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran yang tinggi bagi membolehkan mereka berfungsi sebagai guru profesional dengan berkesan. Guru harus bijak membuat refleksi kendiri terhadap pencapaian standard serta mengenal pasti keperluan pembangunan profesionalisme diri dalam usaha mencapai kecemerlangan tugas sebagai pendidik dan pembina negara bangsa”. YB Tan Sri Dato’ Haji Alimuddin Md Dom (Perutusan Hari Guru Tahun 2010)

Dalam menghadapi cabaran ini Kementerian Pelajaran Malaysia telah menggubalkan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006 – 2010 (PIPP) yang merupakan pelan pelaksanaan dan telah dilancarkan oleh Y. A. B Perdana Menteri Malaysia pada 16 Januari 2007. Pelan ini menggariskan 6 teras utama iaitu i) membina negara bangsa, ii) membangun modal insan, iii) memperkasakan sekolah kebangsaan, iv) merapatkan jurang pendidikan, v) memartabatkan profesi keguruan dan vi) melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan sedia ada. Dalam melaksanakan teras ke empat Kementerian Pelajaran Malaysia memberi tumpuan kepada fokus dan strategi pelaksanaan iaitu i) menambah baik sistem pemilihan calon guru dan ii) memantapkan latihan keguruan.

Setiap kursus perguruan yang dilaksanakan di institusi-institusi pengajian tinggi awam dan swasta latihan mengajar merupakan sebahagian daripada syarat bergraduat. Program latihan mengajar bermatlamat untuk melaksanakan amalan latihan pengajaran dan pembelajaran di sekolah dalam situasi sebenar. Program ini memberi peluang kepada guru pelatih mendekati dan mempelajari situasi sebenar pengajaran dan pembelajaran sebelum menjadi guru permulaan di sekolah.

Program latihan mengajar juga menyediakan peluang kepada guru pelatih mengaplikasikan ilmu yang diperolehi sepanjang belajar di dalam bilik kuliah di institusi-institusi pengajian tinggi. Bagi menentukan latihan mengajar berjalan dengan teratur dan berkesan satu mekanisma yang sistematik dilaksanakan untuk pihak pentadbiran latihan mengajar, penyelia, guru pembimbing dan pentadbir sekolah bekerjasama dalam membentuk persefahaman untuk perkembangan dan kepentingan kemahiran profesional guru pelatih.

Guru pembimbing terdiri daripada guru-guru terlatih yang dikenal pasti untuk membantu guru pelatih menjalani latihan mengajar di sekolah mereka. Guru pembimbing adalah rakan kongsi dalam menjayakan program latihan mengajar, yang memberi sumbangan dalam bentuk memberi nasihat dan bimbingan secara interaktif, formal dan informal secara berterusan kepada siswazah-siswazah jurusan pendidikan.

Guru-guru terlatih di sekolah adalah pengamal pengajaran yang arif dengan situasi pengajaran dan pembelajaran serta kurikulum di sekolah mereka. Guru pembimbing mampu memberi tunjuk ajar kepada guru pelatih menghadapi masalah-masalah sebenar di bilik darjah dan sekolah. Guru pembimbing lebih mahir tentang suasana dan budaya sekolah dan dapat membantu guru pelatih menyesuaikan diri dalam masa yang singkat. Guru pembimbing mempunyai kepakaran dan pengetahuan yang boleh dimanfaatkan oleh guru pelatih.

Menurut (Jamaluddin et al., 2006), peranan yang dimainkan oleh guru pembimbing dalam program latihan mengajar amat besar dan penting kerana pengaruh mereka yang kuat terhadap guru pelatih. Mereka dianggap pakar oleh guru pelatih dan menjadi rol model dalam pembentukan personaliti guru pelatih sebagai guru.

Kepentingan latihan mengajar tidak menjadi isu pertikaian di kalangan ahli pendidik. Namun begitu pelaksanaannya masih menjadi persoalan yang diperdebatkan dan perlu mencari jalan penyelesaiannya. Dalam sesi latihan mengajar yang dilalui oleh guru pelatih, penyeliaan akan dibuat oleh pensyarah dan guru pembimbing di sekolah. Penyeliaan dan bimbingan yang dilakukan akan membantu guru pelatih mempersiapkan diri ke arah yang dikehendaki oleh matlamat pendidikan guru.

Permasalahananya ialah keberkesaan bimbingan guru pembimbing dalam memberi bimbingan sebelum, semasa, selepas dan bimbingan peningkatan profesionalisme keguruan guru pelatih. Kertas kerja ini memberi penekanan kepada keberkesaan penyeliaan dan bimbingan yang dilaksanakan oleh guru pembimbing.

## **Tujuan Kajian**

Kajian yang akan dijalankan ini mempunyai tujuan seperti berikut.

1. Mengkaji penyeliaan yang dibuat dapat membimbing guru pelatih dalam membuat persediaan mengajar dengan baik.
2. Mengkaji penyeliaan yang dibuat dapat membantu guru pelatih menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan berkesan.
3. Mengkaji penyeliaan yang dibuat dapat membantu guru pelatih membuat penilaian yang berkesan.
4. Bagaimana guru pelatih dibimbing ke arah meningkatkan profesionalisme sebagai seorang guru.

## **Persoalan kajian**

Dalam tempoh menjalani latihan mengajar, guru pelatih diselia oleh guru pembimbing. Penilaian yang dilakukan ke atas guru pelatih sedikit sebanyak akan dapat membantu mereka mempersiapkan diri ke arah menjadi seorang guru yang terampil kelak. Namun masih ada persoalan tentang keberkesanan bimbingan guru pembimbing. Ini menimbulkan beberapa soalan yang hendak dikaji iaitu:

1. sejauhmanakah penyeliaan yang dibuat dapat membimbing guru pelatih dalam membuat persediaan mengajar dengan baik?
2. sejauhmanakah penyeliaan yang dibuat dapat membantu guru pelatih menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan berkesan?
3. sejauhmanakah guru pelatih dibimbing untuk membuat penilaian pengajaran yang berkesan?
4. adakah guru pelatih dibimbing ke arah meningkatkan profesionalisme sebagai seorang guru?

## **Metodologi**

Kajian deskriptif ini bertujuan untuk meninjau keberkesanan bimbingan guru pembimbing terhadap latihan mengajar guru pelatih semasa mengikuti sesi latihan mengajar di sekolah. Guru pelatih adalah pelajar-pelajar tahun akhir jurusan pendidikan UPSI yang menjalani latihan mengajar di sekolah-sekolah menengah terpilih di lapan buah negeri dalam Semenanjung Malaysia. Kajian ini mengenai bimbingan dan penyeliaan guru pembimbing terhadap guru pelatih dalam membuat persediaan mengajar, penyampaian isi pelajaran, penilaian pengajaran dan bimbingan dalam meningkatkan profesionalisme keguruan guru pelatih sebagai guru kelak. Seramai 112 orang responden yang dipilih adalah terdiri daripada pelajar semester akhir Program Diploma Pendidikan Lepasan Ijazah, Pendidikan Ekonomi RumahTangga, Fakulti Seni Dan Muzik, Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah menjalani latihan mengajar selama 12 minggu di sekolah menengah dalam lapan buah negeri yang terpilih di Semenanjung Malaysia. Instrumen kajian yang digunakan untuk mengumpul data ialah soal selidik. Hanya 89 orang responden telah mengembalikan soal selidik.

Dalam kajian ini, soal selidik yang digunakan terdiri daripada 60 item yang mana item-item ini dibahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A, 30 item bimbingan pengajaran dan pembelajaran yang terdiri daripada aspek persediaan mengajar, penyampaian isi pelajaran dan penilaian pengajaran. Bahagian B, 30 item bimbingan peningkatan profesionalisme keguruan guru pelatih. Bahagian A responden dikehendaki menyatakan keberkesanan bimbingan kepada setiap pernyataan mengikut skala 1 sebagai tidak pernah, skala 2 sebagai jarang kali, skala 3 sebagai kerap kali dan skala 4 sebagai sangat kerap. Bahagian B responden menyatakan bimbingan dalam meningkatkan profesionalisme keguruan mengikut skala 1 sebagai sangat tidak setuju, skala 2 sebagai tidak setuju, skala 3 sebagai setuju dan skala 4 sebagai sangat setuju. Skala ini dijadikan skor bagi menunjukkan tahap bimbingan skor 1-1.9 sebagai rendah, skor 2-2.9 sebagai sederhana, skor 3-3.9 sebagai tinggi dan skor 4-4.9 sebagai sangat tinggi. Skala ini juga dikenali sebagai Skala Likert yang menggunakan kontinum nombor bagi membuat suatu julat. Soal selidik diedarkan kepada responden semasa menjalani latihan mengajar

secara pos, responden dikehendaki mengisi soal selidik selepas tamat menjalani latihan mengajar dan mengembalikan untuk dianalisis.

### **3. Dapatan Kajian Dan Perbincangan**

Data deskriptif dianalisis memerihalkan min dan sisihan piawai untuk menerangkan hubungan bimbingan penyeliaan dengan keberkesanan bimbingan dan bimbingan dalam meningkatkan profesionalisme keguruan.

Persoalan Kajian 1: Sejauhmanakah penyeliaan yang dibuat dapat membimbang guru pelatih dalam membuat persediaan mengajar dengan baik?

Jadual 1 menunjukkan min dan sisihan piawai bimbingan penyeliaan dan persediaan mengajar. Secara keseluruhannya bimbingan penyeliaan ( $M=2.74$ ,  $sd=0.50$ ), persediaan mengajar ( $M=2.82$ ,  $sd=0.46$ ) hubungan korelasi yang signifikan dan sangat kuat. Dapatan menunjukkan guru pembimbang mengadakan perbincangan yang kerap sebelum penyeliaan dibuat dengan skor tertinggi ( $M=3.15$ ,  $sd=0.77$ ). Manakala pembimbang kurang berkongsi pengalaman cara membina hubungan dan mendapat penghormatan murid dengan skor terendah ( $M=3.11$ ,  $sd=0.83$ ).

**Jadual 1:**  
**Min dan Sisihan Piawai Kesan Bimbingan Penyeliaan**  
**dalam Membuat Persediaan Mengajar yang Baik.**

<b>Item</b>	<b>N</b>	<b>Minimum</b>	<b>Maximum</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Perbincangan sebelum sesi penyeliaan pengajaran.	89	1	4	2.82	.716
Tunjuk ajar merancang pengajaran.	89	1	4	2.90	.892
Tunjuk ajar menulis rancangan pengajaran.	89	1	4	2.44	.839
Perbincangan sebelum mula pengajaran.	89	1	4	2.65	.740
Menyemak buku persediaan mengajar sebelum penyeliaan.	89	1	4	3.00	.783
Membuat persediaan mengikut cara sendiri.	89	1	4	2.83	.815
Merancang dan menyediakan BBM.	89	1	4	2.42	.809
Menerangkan susunatur bilik darjah, pejabat dan bengkel.	89	1	4	2.62	.873
Perbincangan masa penyeliaan akan dibuat.	89	1	4	3.15	.777
Menerangkan perkembangan dan maklumat murid.	89	1	4	2.84	.810
Berkongsi pengalaman mengenai cara membina hubungan dan mendapat penghormatan daripada pelajar.	89	1	4	3.11	.832

Membincangkan tugas dan tanggungjawab sebagai guru semasa berada di dalam kelas.	89	1	4	3.13	.726
--	----	---	---	------	------

Persoalan kajian 2: Sejauhmanakah penyeliaan yang dibuat dapat membantu guru pelatih menyampaikan isi pelajaran dengan baik dan berkesan?

Jadual 2 menunjukkan min dan sisihan piaui bimbingan penyeliaan dan menyampaikan isi pelajaran. Secara keseluruhannya bimbingan penyeliaan ( $M=2.74$ ,  $sd=0.50$ ), menyampaikan isi pelajaran ( $M=2.85$ ,  $sd=0.59$ ) hubungan korelasi yang signifikan dan sangat kuat. Dapatan menunjukkan guru pembimbing memberi galakan menggunakan pelbagai pendekatan, strategi dan kaedah pengajaran dengan skor tertinggi ( $M=3.12$ ,  $sd=0.78$ ). Manakala pembimbing kurang memberi tunjuk ajar dalam penggunaan bahan bantu mengajar dengan skor terendah ( $M=2.52$ ,  $sd=0.86$ ).

**Jadual 2:**  
**Min dan Sisihan Piawai Kesan Bimbingan Penyeliaan**  
**dalam Menyampaikan Isi Pelajaran yang Berkesan.**

Item	N	Minimum	Maximum	Min	Sisihan Piawai
Membantu penulisan objektif pengajaran.	89	1	4	2.57	.767
Mencadangkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran.	89	1	4	2.90	.826
Menggalakan menggunakan pelbagai pendekatan, strategi dan kaedah mengajar.	89	1	4	3.12	.781
Menjelaskan teknik pengajaran yang kurang difahami.	89	1	4	2.93	.671
Menunjukcara menggunakan BBM.	89	1	4	2.52	.867
Membantu penerapan nilai-nilai murni dalam pengajaran.	89	1	4	2.97	.832
Memberi nasihat dan cadangan mengenai teknik mengurus bilik darjah.	89	1	4	3.00	.769
Memberi tunjuk ajar mengenai cara melaksanakan perancangan yang telah dibuat dalam bilik darjah.	89	1	4	2.81	.782

Persoalan kajian 3: Sejauhmanakah guru pelatih dibimbing untuk membuat penilaian pengajaran yang berkesan?

Jadual 3 menunjukkan min dan sisihan piawai bimbingan penyeliaan dan membuat penilaian yang berkesan. Secara keseluruhannya bimbingan penyeliaan ( $M=2.74$ ,  $sd=0.50$ ), menyampaikan isi pelajaran ( $M=2.57$ ,  $sd=0.60$ ) hubungan korelasi yang signifikan dan sangat kuat. Dapatkan menunjukkan guru pembimbing memberi galakan guru pelatih memberi banyak latihan kepada murid untuk menilai kefahaman dengan skor tertinggi ( $M=2.99$ ,  $sd=0.76$ ). Manakala pembimbing kurang membantu guru pelatih dalam menyediakan item soalan ujian dengan skor terendah ( $M=2.17$ ,  $sd=0.89$ ).

**Jadual 3:**  
**Min dan Sisihan Piawai Kesan Bimbingan Penyeliaan**  
**dalam Membuat Penilaian Pengajaran yang Berkesan.**

<b>Item</b>	<b>N</b>	<b>Minimum</b>	<b>Maximum</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Membimbing membina dan melaksanakan teknik soal jawab.	89	1	4	2.74	.731
Membina item soalan ujian bualan.	89	1	4	2.53	.955
Menggalakkan latihan untuk nilai kefahaman.	89	1	4	2.99	.761
Mencadangkan jenis soalan untuk menilai pelajar dalam kelas.	89	1	4	2.62	.746
Membantu guru pelatih membina item soalan ujian.	89	1	4	2.17	.895
Menyediakan buku kerja dan contoh soalan bagi menilai pelajar dalam kelas.	89	1	4	2.48	.785
Berbincang mengenai skema pemarkahan yang sesuai bagi setiap soalan yang dikemuka.	89	1	4	2.48	.967
Membincangkan cara menanda kertas ujian.	89	1	4	2.47	.906
Menanda dan memberi markah ujian kepada pelajar.	89	1	4	2.83	.956
Menggalakkan penyediaan bank soalan.	89	1	4	2.39	.961

Persoalan kajian 4: Adakah guru pelatih dibimbng ke arah meningkatkan profesionalisme sebagai seorang guru?

Jadual 4 dan 5 menunjukkan min, sisihan piawai dan tahap bimbingan dalam meningkatkan profesionalisme keguruan. Secara keseluruhan bimbingan dalam meningkatkan profesionalisme keguruan ( $M=3.19$ ,  $sd=0.44$ ). Dapatkan kajian menunjukkan tahap bimbingan guru pembimbing terhadap guru pelatih dalam meningkatkan profesionalisme sangat tinggi (76.4%).

**Jadual 4:**  
**Min dan Sisihan Piawai Bimbingan**  
**Meningkatkan Profesionalisme Keguruan**

<b>Item</b>	<b>N</b>	<b>Minimum</b>	<b>Maximum</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Menggalakkan guru pelatih menghadiri mesyuarat yang dijalankan oleh pihak sekolah	89	2	4	3.58	.580
Berbincang mengenai perkembangan dunia pendidikan semasa.	89	1	4	3.21	.776
Menasihati guru pelatih agar melaksana dan mematuhi etika perguruan.	89	1	4	3.48	.659
Sering menunjukkan kebaikan dan kepuasan berkerja.	89	1	4	3.49	.605
Menggalakkan supaya membaca bahan bacaan daripada pelbagai badan profesional	89	1	4	3.31	.732
Mengingatkan kepentingan menepati masa.	89	1	4	3.51	.693
Memberi peluang memilih aktiviti ko-kurikulum.	89	1	4	3.45	.723
Menerangkan peranan dan tanggungjawab guru semasa aktiviti ko-kurikulum	89	1	4	3.36	.711
Merancang bersama kegiatan ko-kurikulum.	89	1	4	3.26	.833
Melibatkan guru pelatih semasa merancang program meningkatkan prestasi akademik pelajar.	89	1	4	3.29	.772
Membantu melaksanakan kegiatan ko-kurikulum	89	1	4	3.39	.717
Kadangkala memberi tanggungjawab sepenuhnya mengendalikan kegiatan ko-kurikulum	89	1	4	2.94	.871
Menggalakkan berkerja secara berpasukan	89	1	4	3.55	.584
Menggalakkan kerjasama dengan guru yang berpengalaman.	89	1	4	3.55	.640
Memperkenalkan guru pelatih dengan guru-guru yang lain di sekolah.	89	1	4	3.39	.763
Memberi sokongan emosi dalam menghadapi kekangan kerja.	89	1	4	3.39	.701
Memgalakkan guru pelatih mempunyai hubungan yang baik dengan pihak pentadbir sekolah.	89	1	4	3.48	.676

Mengawal cara kerja guru pelatih secara berlebihan.	89	1	4	2.09	.861
Menggalakkan menghadiri kursus/bengkel dalaman dan luaran.	89	1	4	3.22	.822
Menerangkan cara menulis laporan aktiviti ko-kurikulum.	89	1	4	2.96	.878
Menerangkan cara pengurusan stok dan inventori.	89	1	4	2.88	.850
Melibatkan guru pelatih dalam mengurus fail pembelajaran murid.	89	1	4	3.08	.695
Membantu dalam menulis minit curai/laporan kursus.	89	1	4	2.78	.794
Menerangkan tentang pelan operasi dan pelan strategik panitia.	89	1	4	2.76	.769
Melibatkan guru pelatih dalam pengurusan bengkel/bilik darjah.	89	2	4	3.33	.560
Menerangkan cara penulisan dan penutupan buku pendaftaran kehadiran murid.	89	1	4	2.60	.950
Menggalakkan guru pelatih membaca pekeliling perkhidmatan pendidikan	89	1	4	2.81	.838
Menggalakkan guru pelatih melibatkan diri dalam aktiviti luar yang sertai oleh sekolah.	89	1	4	3.21	.730
Cara kerja guru pelatih hampir sama dengan guru pembimbing.	89	1	4	2.82	.833
Guru pembimbing sangat penting dalam proses latihan mengajar.	89	3	4	3.73	.446

**Jadual 5:**  
**Tahap Meningkatkan Profesionalisme Keguruan**

	Kekerapan	Peratusan	Valid Peratusan	Peratusan Kumulatif
2.00	1	1.1	1.1	1.1
3.00	20	22.5	22.5	23.6
4.00	68	76.4	76.4	100.0
Total	89	100.0	100.0	

Keputusan kajian menunjukkan secara keseluruhannya memberi respon yang positif terhadap bimbingan yang diberi oleh guru pembimbing. Keseluruhannya menyatakan guru pembimbing memberi bimbingan kerap kali dalam persediaan mengajar, penyampaian isi pelajaran dan penilaian pengajaran serta peningkatan profesionalisme keguruan. Hasil kajian ini tidak selari dengan dapatan beberapa kajian lepas seperti yang dijalankan oleh (Siti Zohora et al., 1998) menyatakan guru pembimbing gagal mewujudkan hubungan dengan guru pelatih kerana ketidakjelasan tentang peranan mereka sebagai mentor. Dapatan kajian menunjukkan guru pembimbing memahami tugas mereka sebagai mentor dalam membangunkan guru permulaan yang terampil

selari dengan dasar dan matlamat Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP) untuk memartabatkan profesion keguruan. Guru hari ini memahami hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia untuk melahirkan guru yang berkualiti.

### **Kesimpulan dan Cadangan**

Program latihan mengajar yang dilaksanakan berlandaskan kerjasama dan kolaborasi institusi pengajian tinggi dan pihak sekolah dapat memberi gambaran kepada guru pelatih situasi sebenar sekolah dengan andaian bakal guru ini dapat menyesuaikan diri dengan keadaan sekolah apabila kali pertama bertugas kelak sebagai guru permulaan. Sehubungan dengan itu, program latihan mengajar dapat mengatasi masalah kejutan realiti tugas sebenar seorang guru kelak.

Peranan yang dimainkan oleh guru pembimbing memberi pengaruh yang kuat kepada guru pelatih kerana mereka menjadi rol model dalam pembentukan personaliti guru pelatih sebagai seorang guru. Guru pembimbing bukan saja memainkan peranan dalam memberi bimbingan dalam pengajaran dan pembelajaran malah membimbing guru pelatih dalam meningkatkan profesionalisme keguruan guru pelatih bagi menyediakan bakal guru yang akan menjadi seorang pengurus dan pentadbir profesional kelas pertama. Bagi merealisasikan hasrat ini semua pihak harus menggalas tugas tidak berbelah bagi untuk melahirkan bakal guru berkekerti mulia, berpandangan progresif dan saintifik, bersedia menjunjung aspirasi negara serta menyanjung warisan kebudayaan negara, menjamin pembangunan individu dan memelihara suatu masyarakat yang bersatu padu, demokartik, progresif dan berdisiplin.

Secara keseluruhan kajian ini menghasilkan maklumat mengenai keberkesanan bimbingan guru pembimbing terhadap guru pelatih di sekolah. Maklumat ini boleh memberi panduan kepada pihak pentadbir latihan mengajar untuk menambahbaikkan program latihan mengajar. Untuk kajian akan datang dicadangkan penyelidik melihat pandang setiap pihak yang terlibat dalam pelaksanaan program latihan mengajar iaitu guru pembimbing, pentadbir sekolah, pensyarah penyelia, pentadbir latihan mengajar dan guru pelatih bagi memperolehi maklumat yang menyeluruh dan boleh digunakan untuk membentuk dasar program latihan mengajar yang boleh digunakan oleh seluruh institusi pengajian tinggi awam dan swasta.

### **Rujukan**

- Bahagian Pendidikan Guru. (2010). Standard Guru Malaysia. KPM, Putrajaya. (Online) <http://apps.emoe.gov.my/bpg/sgm/index.html.15/6/2010>.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2006). Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010. KPM, Putrajaya.
- Mohd Dom, Alimuddin. (2010). Perutusan Hari Guru 2010. Online: <http://www.moe.edu.my/hariguru/perutusanKPPM.html>.
- Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan USM. (2007). Panduan Latihan Mengajar 2007/2008. (Online) [http://www.usm.my/education/LM/BPLMlay\\_07-08.pdf](http://www.usm.my/education/LM/BPLMlay_07-08.pdf)
- Ramli, J et al. (2006). "Bimbingan Guru Pembimbing terhadap Guru Pelatih dalam Latihan Mengajar". Dalam prosiding Seminar Pendidikan Guru. 6-8 September.
- Yassin, S et al. (1998). "Persepsi Guru Pembimbing terhadap Peranan sebagai Mentor: Satu Tinjauan". Maktab Perguruan Batu Lintang.